

## PELAN PENGAJARAN MUZIUM

<p><b>Tajuk</b></p> <p><b>Sub Topik</b></p>	<p>KERAJAAN MELAYU AWAL (SEKOLAH RENDAH)</p> <p>Kedudukan Kerajaan-Kerajaan Melayu Awal</p>
<p><b>Objektif</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi pendedahan kepada pelajar terhadap peranan dan keistimewaan serta kepentingan kerajaan Melayu awal.</li> <li>2. Kepentingan kerajaan Melayu dalam membentuk kewujudan pembentukan negara bangsa pada hari ini.</li> <li>3. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-dea yang kreatif dan inovatif.</li> </ol>
<p><b>Aktiviti</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar dibawa melawat ke galeri dan diberi penerangan serta pendedahan berkaitan artifak kerajaan Melayu awal.</li> <li>2. Pelajar diminta untuk menyentuh dan mengenalpasti tekstur koleksi.</li> <li>3. Pelajar perlu mengenalpasti, menganalisis dan memberi pandangan berkaitan motif dan corak koleksi.</li> <li>4. Menonton LCD / VCD berkaitan dengan koleksi, sama ada matawang, tapak-tapak bersejarah, ukiran-ukiran seni bina, candi dan patung-patung penyembahan Hindu dan Buddha.</li> <li>5. Melakonkan semula peristiwa-peristiwa penting yang memaparkan kehebatan dan kelangsungan empayar Melayu.</li> <li>6. Menamakan dan menandakan lokasi-lokasi kerajaan Melayu awal di peta.</li> <li>7. Menyenaraikan keunikan dan keistimewaan kerajaan Melayu awal.</li> <li>8. Melakukan aktiviti menyediakan rakit buluh dan aktiviti pertanian awal seperti menanam dan menuai padi, membanting, menumbuk padi, menampi padi menggunakan lesung kaki dan tangan untuk dijadikan beras.</li> <li>9. Melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan lukah, bubu, lembing buluh dan belat.</li> </ol>
<p><b>Koleksi</b></p>	<p>Mata wang tampang, mata wang emas, senjata (keris dan lembing), makara (ukiran Hindu Buddha), avalokitsvara (patung), patung Brahmin Jalong), batu alas tiang, pelapik tiang, somasutra, lingga, seramik, Hikayat Salatus Salatin</p>
<p><b>BBM</b></p>	<p>Komputer, Multimedia, LCD, slaid power point, replika artifak yang bersesuaian</p>

<b>Refleksi</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman kerajaan Melayu awal.</li><li>2. Pelajar menjawab kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara dan bangsa di antara zaman kerajaan Melayu awal dan Malaysia.</li><li>3. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan kepada negara bangsa kerajaan Malaysia.</li><li>4. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh Muzium sebelum dan selepas proses PdP dan modul permuziuman.</li></ol>
-----------------	--